

SULIT
1223/1
Pendidikan
Islam
Kertas 1
September
2011

1223/1



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B***
2. **Bahagian A** mengandungi **40** soalan. Jawapan anda hendaklah menggunakan ruangan jawapan yang disediakan di halaman 16.
3. **Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. Jawab **tiga** soalan: **Soalan 1**, **Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan berikutnya. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam helaian tambahan yang disediakan.
4. Tulis **nama, kelas, nombor kad pengenalan dan angka giliran** anda pada ruangan yang di sediakan di halaman 16.
5. *Ceraikan kertas jawapan di halaman 16 daripada kertas soalan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

[Lihat halaman sebelah

1223/1

©2011 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA

SULIT

Muat turun (percuma) kertas soalan lain di :

www.myschoolchildren.com

1
2
2
3

1

Bahagian A**[40 Markah]***Jawab semua soalan***Soalan 1 hingga Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

1 Hukum bertaubat bagi orang yang melakukan dosa ialah

- A sunat
- B harus
- C wajib
- D makruh


2 Dosa kecil ialah kesalahan yang

- A tiada peruntukan hukuman di dunia
- B dilakukan secara berterusan
- C dilakukan dengan sengaja
- D dijanjikan azab di akhirat

Perlindungan kepada pembeli polisi yang mengalami kerugian pendapatan atau harta benda.

3 Pernyataan di atas merujuk kepada

- A insurans khas
- B insurans am
- C insurans nyawa
- D insurans takaful



- 4 X dalam rajah di atas ialah
- A menolak prinsip al-Salaf al-Soleh
 - B pelaku dosa besar dianggap kafir
 - C al-Quranul Karim ialah makhluk
 - D iman bertambah dan berkurang
- 5 Berikut ialah rukun talak **kecuali**
- A isteri
 - B saksi
 - C lafaz
 - D suami
- 6 Imam al-Ghazali digelar *Hujjatul Islam* kerana
- A kepakarannya dalam bidang Usuluddin
 - B selalu bersikap adil dalam menentukan hukum
 - C kecekapan, kemasyhuran dan kekuatannya membela Islam
 - D mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Rasulullah SAW

- 7 Antara faktor luaran penyebaran Islam pada zaman Abbasiyah ialah
- A globalisasi ilmu
 - B pembukaan wilayah baru
 - C perkembangan sains dan teknologi
 - D Kedudukan Kota Baghdad yang strategik

- Berdasarkan wahyu
- Kajian saintifik
- Matlamat yang jelas

- 8 Pernyataan di atas merujuk kepada adab
- A berfikir
 - B berniaga
 - C berkomunikasi
 - D menuntut ilmu
- 9 Siapakah penterjemah yang bertugas di Baitul Hikmah?
- A Jabir bin Hayyan
 - B Al- Syarif al-Idrisi
 - C Hassan bin Haitham
 - D Yuhana bin Masawaih
- 10 Berikut adalah kesan amalan sihir kepada masyarakat **kecuali**
- A dibenci masyarakat
 - B menimbulkan pergaduhan
 - C merosakkan perpaduan kaum
 - D meruntuhkan institusi kekeluargaan

- 11 Antara berikut yang manakah **tidak benar** mengenai syarat-syarat taubat?
- A Berazam tidak akan mengulangi lagi kesalahan
 - B Berhenti melakukan maksiat dengan segera
 - C Takut kepada balasan Allah SWT
 - D Menyesali maksiat yang dilakukan
- 12 Antara perkara makruh semasa sembelihan ialah
- A tidak membaca basmalah
 - B menyembelih binatang yang kurus
 - C melakukan sembelihan pada siang hari
 - D sembelihan dilakukan menggunakan alat elektrik

Beriktikad bahawa:

- Alam ini kekal
- Semua agama sama
- Nabi Isa a.s. mati disalib

- 13 Pernyataan di atas merujuk kepada ciri ajaran
- A Qadyani
 - B Taslim
 - C Syiah
 - D Bahai
- 14 Imam al-Ghazali mendalami dan menguasai ilmu tauhid mengikut aliran
- A al-Khawarij
 - B al-Asya'irah
 - C al-Muktazilah
 - D al-Maturidiyah

- 15 Pilih pernyataan yang benar mengenai ajaran Qadyani.
- I Menetapkan ibadah puasa sembilan belas hari sahaja
 - II Mempercayai pengasasnya adalah jelmaan Allah SWT
 - III Mengisytiharkan Qadyan sebagai tempat menunaikan haji
 - IV Mendakwa pengasasnya mempunyai sejuta jenis mukjizat
- A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV
- 16 Talak bid'ie ialah talak yang
- A boleh dirujuk semula
 - B menyalahi peraturan syarak
 - C dikaitkan dengan tempoh masa
 - D disandarkan kepada sesuatu syarat
- 17 Miqat makani bagi jemaah haji Malaysia yang datang melalui Madinah ialah
- A Qarnul Manazil
 - B Zatu Irqin
 - C Yalamlam
 - D Zulhulaifah

- Berniat ihram di miqat
- Bermalam di Mina


- 18 Pernyataan di atas merujuk kepada
- A rukun umrah
 - B rukun haji
 - C wajib haji
 - D wajib umrah
- 19 Berikut adalah larangan dalam ihram **kecuali**
- A menebang pokok
 - B memakai minyak wangi
 - C memburu binatang buruan darat
 - D mendedahkan muka bagi wanita
- 20 Berikut nama-nama lain bagi mahar **kecuali**
- A millah
 - B sodak
 - C nikah
 - D nihlah

Soalan 21 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

- 21 Orang yang melakukan maksiat digelar _____ .
- 22 Riba _____ ialah pertambahan bayaran pinjaman kerana menangguhkan tempoh bayaran.
- 23 *Ulil amri* dalam konteks pemerintahan merujuk kepada _____.
- 24 Zikrullah boleh dilakukan melalui lisan, perbuatan dan _____ .
- 25 Jabatan yang menguruskan kutipan cukai dan hasil negara ialah _____ .

Soalan 26 dan 27 berdasarkan rajah di bawah.




- 26 P dalam rajah di atas ialah _____ .
- 27 Q dalam rajah di atas ialah _____ .

Encik Ramli membeli satu polisi insurans tetapi beliau tidak diberi maklumat tentang operasi perniagaannya.

- 28 Insurans tersebut perlu dielakkan kerana mempunyai unsur _____ .

- 29 Mencukur bulu kening untuk menarik perhatian orang ramai hukumnya _____ .
- 30 Keringanan yang diberikan Allah SWT ketika bermusafir seperti Solat Jamak dan Qasar. Pernyataan di atas merujuk kepada _____ .

Soalan 31 berdasarkan carta di bawah



- 31 **R** dalam rajah di atas ialah _____ .
- 32 Berusaha bersungguh-sungguh dengan menggunakan kemampuan yang ada untuk menegakkan Islam merupakan maksud _____ .
- 33 _____ ialah tempoh masa larangan berkahwin yang wajib dipatuhi oleh isteri selepas bercerai dengan suami.


- Menyembelih binatang ternakan seperti kerbau
- Dilakukan pada Aidiladha dan hari tasyrik
- Tujuan beribadah kepada Allah SWT

- 34 Pernyataan di atas merujuk kepada ibadah _____ .
- 35 Sumbangan terbesar Imam Malik rahimahullah ialah melalui karyanya yang masyhur iaitu _____ .
- 36 Khalifah al-Muktasim telah membina makmal pembedahan pertama di pelabuhan sungai _____ .

Lihat halaman sebelah
SULIT

- Tasauf Moden
- Di bawah Lindungan Kaabah
- Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck

37 Karya-karya di atas merupakan hasil tulisan _____ .



38 S dalam rajah di atas ialah _____ .

39 Imam Abu Hanifah rahimahullah dilahirkan di _____ .

40 Encik Ahmad berkata kepada isterinya "jika awak keluar dari rumah tanpa menutup aurat, jatuh talak".

Jenis talak dalam situasi di atas ialah _____ .

Bahagian B

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan : **Soalan 1, Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan berikut.

- 1 (a) Orang yang mendapat kemanisan iman mempunyai keperibadian yang tinggi.
- (i) Nyatakan **dua** ciri orang yang mendapat kemanisan iman. [4 markah]
- (ii) “Iman ialah keyakinan dalam hati, ikrar dengan lidah, beramal dengan anggota”
- Jelaskan hubungan antara hati, lidah dan anggota dalam menentukan kesempurnaan iman. [2 markah]
- (b) Taslim dan Bahai adalah contoh ajaran sesat yang terdapat di Malaysia. Terangkan **dua** persamaan ciri kesesatan kedua-dua ajaran tersebut. [4 markah]
- (c)

**Gambar 1**

Contoh perbuatan khurafat

- (i) Nyatakan **dua** contoh perbuatan khurafat yang masih berlaku dalam masyarakat selain daripada contoh perbuatan di atas. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan buruk perbuatan khurafat terhadap individu. [4 markah]

Firman Allah SWT :

إِنَّ الْمُنَافِقِينَ فِي الدَّرَكِ الْأَسْفَلِ مِنَ النَّارِ.....
(سورة النساء : 145)

Maksudnya : “Sesungguhnya golongan munafik di tempatkan di neraka yang paling bawah.”

- (iii) Nyatakan **dua** cara anda menjauhkan diri daripada sifat nifak. [2 markah]
- (iv) Mengapakah orang munafik di tempatkan di neraka paling bawah. [2 markah]

- 2 (a) (i) Apakah maksud upah haji? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** syarat berkemampuan (إستطاعة) dalam ibadah haji. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** perbezaan antara rukun haji dengan wajib haji. [4 markah]

(b)



Gambar 2
Majlis akad nikah

- (i) Nyatakan **dua** syarat wali nikah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** sebab berpindah kuasa wali nasab kepada wali hakim. [4 markah]

- (c) Nyatakan hukum dan alasan bagi situasi berikut:
- (i) Puan Fatimah berkahwin dengan Encik Kamal setelah sebulan dicerai oleh suaminya tanpa disetubuhi. [2 markah]
- (ii) Encik Saiful melakukan akikah untuk anak lelakinya dengan menyembelih seekor kambing. [2 markah]
- 3 (a) Kerajaan Khulafa al-Rasyidin telah membuat beberapa pembaharuan dalam sistem pentadbiran negara.
- (i) Jelaskan **dua** dasar pentadbiran Khulafa al-Rasyidin. [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** akibat membelakangkan kepimpinan Khulafa al-Rasyidin. [4 markah]
- (b) Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah ialah seorang ulama yang kuat beribadah dan digelar *al-Hakim*.
- (i) Nyatakan **dua** bukti kesungguhan beliau dalam beribadah. [2 markah]
- (ii) Mengapakah beliau digelar *al-Hakim*? [2 markah]
- (c) (i) Islam telah menggariskan adab –adab tertentu dalam berhias diri. Nyatakan **dua** cara berhias diri yang dilarang kepada kaum lelaki. [4 markah]
- (ii) Firman Allah SWT:
- ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ.....
(سورة الروم : 41)
- Maksudnya : Telah berlaku pelbagai kerosakan serta bencana di darat dan di laut disebabkan oleh tangan-tangan manusia
- Terangkan **dua** faktor berlakunya pencemaran alam. [4 markah]

- 4 (a) Penyebaran Islam pada zaman kerajaan Bani Abbasiyah telah membawa banyak kesan positif dalam aspek kemasyarakatan dan kebudayaan.
- (i) Nyatakan **dua** contoh keadilan dalam sistem kemasyarakatan yang telah direalisasikan pada zaman tersebut. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan positif penyebaran Islam dalam aspek kebudayaan. [4 markah]

(b)



Gambar 3
Syekh Tahir Jalaluddin

- (i) Nyatakan **dua** sifat peribadi beliau yang boleh anda contohi. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau dalam bidang ilmu. [4 markah]
- (c) Rasulullah SAW adalah contoh pemimpin terbaik.
- (i) Nyatakan **dua** ciri pemimpin yang baik. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab pelajar terhadap pemimpin di sekolah. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NAMA : _____ KELAS : _____

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

1	A	B	C	D	21	
2	A	B	C	D	22	
3	A	B	C	D	23	
4	A	B	C	D	24	
5	A	B	C	D	25	
6	A	B	C	D	26	
7	A	B	C	D	27	
8	A	B	C	D	28	
9	A	B	C	D	29	
10	A	B	C	D	30	
11	A	B	C	D	31	
12	A	B	C	D	32	
13	A	B	C	D	33	
14	A	B	C	D	34	
15	A	B	C	D	35	
16	A	B	C	D	36	
17	A	B	C	D	37	
18	A	B	C	D	38	
19	A	B	C	D	39	
20	A	B	C	D	40	

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 hingga 40	40	
B	1	20	
	2	20	
	3	20	
	4	20	
Jumlah		100	

SULIT
1223/2
Pendidikan
Islam
Kertas 2
September
2011

1223/2



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 2

Satu jam empat puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **lima** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas jawapan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

1223/2

©2011 Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Jawab semua soalan

1 (a) Firman Allah SWT :

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾
 وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ
 ﴿٤﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا
 مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾ فَمَنْ ابْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ
 فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ﴿٧﴾

(سورة المؤمنون : 1 - 7)

Ayat di atas menjelaskan khusyuk dalam solat merupakan antara ciri mukmin berjaya.

- (i) Nyatakan **dua** ciri lain mukmin yang berjaya. [2 markah]
- (ii) Nyatakan maksud kalimah yang bergaris. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللَّهَ قَالَ مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالْحَرْبِ وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ عَلَيْهِ وَمَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ فَإِذَا أَحَبَبْتُهُ كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ وَيَدَهُ الَّتِي يَبْتَاطِشُ بِهَا وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا وَإِنْ سَأَلَنِي لِأَعْطِيْتَهُ وَلَئِنْ اسْتَعَاذَنِي لِأُعِيذَنَّهُ.
(رواه البخارى)

Hadis di atas menerangkan bahawa orang yang sentiasa melakukan ibadat fardhu dan nawafil amat dikasihi Allah SWT.


- (i) Nyatakan maksud nawafil. [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** perbezaan antara ibadah fardhu dengan ibadah nawafil. [4 markah]
(iii) Bagaimanakah ibadah nawafil dapat membantu kejayaan seorang pelajar? [2 markah]

(c)

A	B	C	D
الْمُهَيْمِنِ	يُشْرِكُونَ	الْقُدُّوسِ	الْمُتَكَبِّرِ

Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan A,B,C dan D dengan jawapan yang betul daripada jadual di atas.

Anda hanya perlu menulis nombor soalan dan jawapan sahaja.

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ (i) السَّلَامُ الْمُؤْمِنُ أ (ii)
الْعَزِيزُ الْجَبَّارُ (iii) سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا (iv) 
(سورة الحشر : 23)

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

2 (a) Firman Allah SWT :

﴿اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ مَثَلُ نُورِهِ ۖ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ ۚ
 الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ ۚ الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ مُبْرَكَةٍ
 زَيْتُونَةٍ لَّا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ ۚ ...
 (سورة النور : 35)

Ayat di atas menerangkan bahawa hidayah Allah SWT menerangi hati orang mukmin seperti sebuah lampu yang cahayanya bergemerlapan.

- (i) Apakah maksud hidayah? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan hidayah Allah terhadap pelajar. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** perbezaan antara orang yang beramal dengan ilmu dengan orang yang tidak beramal dengan ilmu. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
 إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ
 الْمُرْسَلِينَ فَقَالَ تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا.
 وَقَالَ تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ.
 (رواه مسلم)

Hadis di atas menerangkan ciri makanan yang dianjurkan oleh Islam.

- (i) Nyatakan **dua** ciri makanan yang haram. [2 markah]
- (ii) Terangkan hubungan antara makanan dengan doa. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas. [4 markah]

(c) Susun semula potongan ayat di bawah mengikut tertib seperti dalam al-Quran.

Anda dikehendaki menulis nombor sahaja.

1	إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ
2	إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ
3	وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ وَأَغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ
4	وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا

(سورة لقمان : 18 - 19)

[4 markah]

3 (a) Firman Allah SWT :

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ
عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا
إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ﴿١٢٩﴾

(سورة التوبة : 128-129)

Ayat di atas menjelaskan bahawa Rasulullah SAW dipilih daripada kalangan manusia dan sangat menyayangi umatnya.

- (i) Nyatakan **dua** bukti kasih sayang Rasulullah SAW kepada umatnya. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah rasul dipilih daripada kalangan manusia. [4 markah]
- (iii) Bagaimanakah anda mencontohi dakwah Rasulullah SAW? [2 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ أَخَذَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ بِمَنْكِبِي فَقَالَ كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ عَابِرُ سَبِيلٍ. وَكَانَ
ابْنُ عُمَرَ يَقُولُ إِذَا أَمْسَيْتَ فَلَا تَنْتَظِرِ الصَّبَاحَ وَإِذَا أَصْبَحْتَ فَلَا تَنْتَظِرِ
الْمَسَاءَ وَخُذْ مِنْ صِحَّتِكَ لِمَرَضِكَ وَمِنْ حَيَاتِكَ لِمَوْتِكَ.

(رواه البخارى)

Hadis di atas menerangkan beberapa pesan Rasulullah SAW kepada umatnya tentang kehidupan di dunia.

- (i) Nyatakan **dua** pesan Rasulullah SAW dalam hadis di atas. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** akibat mengabaikan pesan tersebut. [4 markah]
- (iii) Nyatakan **dua** contoh amalan yang pahalanya berterusan setelah seseorang itu meninggal dunia. [2 markah]

- (c) Soalan berikut diikuti dengan pilihan jawapan iaitu **A** dan **B**.
Pilih jawapan yang betul daripada potongan kalimat tersebut supaya menjadi ayat yang lengkap seperti dalam al-Quran.


Anda dikehendaki menulis nombor dan jawapan yang betul (**A** atau **B**) sahaja.

لَا مَنَّتِهِمْ B	لِفُرُوجِهِمْ A	وَالَّذِينَ هُمْ _____ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ	1
صَلَاتِهِمْ B	صَلَوَاتِهِمْ A	وَالَّذِينَ هُمْ عَلَى _____ تُحَافِظُونَ	2
الْعَادُونَ B	الْوَارِثُونَ A	أُولَئِكَ هُمْ _____	3
خَالِدُونَ B	خَشِعُونَ A	الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا _____	4

(سورة المؤمنون : 8 – 11)

[4 markah]

4 (a) Firman Allah SWT :



Ayat di atas menjelaskan bahawa hiburan yang melalaikan termasuk dalam perkara mempersendakan agama.

- (i) Nyatakan **dua** ciri hiburan yang melalaikan. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** usaha anda untuk mencegah rakan yang melakukan perbuatan mempersendakan agama. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** akibat mempersendakan agama. [4 markah]

(b) Soalan berikut diikuti dengan pilihan jawapan iaitu **A** dan **B**.
 Pilih hukum tajwid yang betul bagi kalimah yang bergaris di bawah.

Anda dikehendaki menulis nombor dan jawapan yang betul (**A** atau **B**) sahaja.

No	Potongan ayat al-Quran	Hukum Tajwid	
		A	B
(i)	لَا أُقْسِمُ بِهَذَا الْبَلَدِ ﴿١﴾	Qalqalah Kubra	Qalqalah Sughra
(ii)	مِنْ فَضْلِهِ إِنْ شَاءَ	Mad Silah Qasirah	Mad Silah Towilah
(iii)	مُبْرَكَةٌ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقِيَّةٍ	Idgham Maal Ghunnah	Idgham Bila Ghunnah
(iv)	وَلَنذِيقَنَّهُمْ مِنَ الْعَذَابِ	Alif Lam Qamariah	Alif lam Syamsiah

[4 markah]

- (c) Tulis semula petikan di bawah dalam tulisan jawi.

Menyegerakan segala urusan kehidupan adalah manifestasi kepada penghargaan masa. Perkara ini merupakan salah satu ciri mukmin bertaqwa yang dimuliakan oleh Allah dan RasulNya.

[6 markah]

5 (a) Firman Allah SWT :

قُلْ لَا أَقُولُ لَكُمْ عِنْدِي خَزَائِنُ اللَّهِ وَلَا أَعْلَمُ الْغَيْبَ وَلَا أَقُولُ لَكُمْ إِنِّي مَلَكٌ
 إِنِّ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰ إِلَيَّ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الْأَعْمَىٰ وَالْبَصِيرُ أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ ﴿٥٠﴾
 (سورة الأنعام : 50)

Ayat di atas menerangkan Rasulullah SAW tidak mengetahui perkara ghaib kecuali apa yang diwahyukan oleh Allah SWT.

- (i) Apakah maksud perkara ghaib? [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** jenis perkara ghaib serta contoh. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** kelebihan beriman dengan perkara ghaib. [4 markah]

(b) Nyatakan hukum tajwid dan cara bacaannya bagi kalimah yang bergaris.

Anda dikehendaki menulis nombor berserta jawapan sahaja.

Potongan Ayat	No
إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ هُمْ جَنَّاتُ النَّعِيمِ ﴿٨٠﴾	(i)
أُولَٰئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٨١﴾	(ii)
وَذَكَرَ بِهِ ءَأَن تُبَسَّلَ نَفْسٌ بِمَا كَسَبَتْ	(iii)

[6 markah]

(c) Tulis semula perkataan berikut dengan tulisan jawi.

- i. Pemain Golf
- ii. Laluan Terowong
- iii. Pertabalan di Raja
- iv. Pintu Automatik

[4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT